



AHMAD Shabery melihat padi pada pameran selepas merasmikan Seminar Pertanian dan Keselamatan Makanan 2050 di Auditorium Rashdan Baba UPM Serdang.

## Pikat orang muda bertani

**Serdang:** Pulangan yang masih kecil dalam pertanian menyebabkan bidang itu hanya diceburi golongan berusia lebih 30 tahun manakala orang muda tidak berminat dengannya walaupun penduduk negara semakin bertambah.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, adalah penting untuk memastikan pertanian itu bukan saja menarik tetapi memberikan pulangan yang tinggi bagi menarik minat orang muda.

Menurutnya, pulangan yang tinggi tentunya menjadi cabaran sama

ada dari segi jumlah hasilnya mahupun nilai diperoleh.

“Misalnya bagi setiap hektar tanah yang dapat menghasilkan pendapatan lebih tinggi daripada apa yang diperolehi pada hari ini. Ini adalah cabaran yang perlu kita lihat supaya orang muda berminat,” katanya.